

Perkampungan Solar

Rujuk buku teks halaman 158

Baca surat tidak rasmi di bawah, kemudian jawab soalan pemahaman.

Jimin anak Rebai,
11, Jalan Matang 1,
Taman Matang Jaya,
93050 Kuching,
Sarawak.
18 Julai 20□□

Menemui sahabatku, saudara Afifi, yang kini berada di Johor Bahru. Saya berharap semoga saudara dan keluarga dalam keadaan sihat sejahtera.

Saudara,

Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk menceritakan pengalaman saya sekeluarga semasa bercuti di Long Liwok, Baram, Miri, Sarawak.

Saya sangat seronok kerana inilah kali pertama saya ke sana untuk menziarahi saudara-mara. Perjalanan ke sana mengambil masa kira-kira enam jam. Kami melalui jalan balak dengan kenderaan pacuan empat roda dari bandar Miri. Perjalanan kami mencabar, terutamanya di lereng-lereng bukit yang curam.

Setibanya di kampung tersebut, saya sangat kagum kerana rumah panjang di sana mempunyai kemudahan tenaga elektrik. Tenaga elektrik diperoleh daripada panel tenaga solar yang disediakan oleh pihak berkuasa. Buat pengetahuan saudara, tenaga solar ini tidak mencemarkan alam sekitar seperti generator yang menggunakan minyak diesel. Tenaga solar ialah tenaga semula jadi daripada cahaya matahari yang dapat menjanakan kuasa elektrik.

Kini, corak kehidupan masyarakat di situ turut berubah dengan adanya bekalan elektrik. Anak-anak tidak lagi menyiapkan kerja sekolah dengan ditemani cahaya lilin dan pelita. Kaum ibu juga sudah boleh menyimpan bekalan makanan di dalam peti sejuk. Kerja-kerja kraf tangan juga boleh dijalankan pada waktu malam. Pendek kata, tenaga solar ini mesra alam kerana sumber tenaga ini bersih dan boleh dibaharui secara berterusan.

Ketenangan persekitaran di sana membolehkan saya menyiapkan sebuah gurindam tentang masyarakat tersebut. Bersama-sama surat ini juga saya sertakan sebuah gurindam yang saya tulis dan beberapa keping gambar.

Sekian dahulu buat kali ini. Saya berharap agar kita berjumpa lagi dalam warkah yang lain.

Sahabatmu,
Ami



Soalan

1. Afifi kini berada di _____.
2. Apakah tujuan penulis menulis surat ini kepada Afifi?
3. Mengapakah penulis berasa kagum sebaik sahaja tiba di kampung tersebut?
4. Apakah yang dimaksudkan dengan tenaga solar?
5. Suasana bagaimanakah yang membolehkan penulis menyiapkan sebuah gurindam tentang masyarakat di Long Liwok?
6. Penulis surat ini Bernama _____